

160 penduduk dipindahkan ke dua pusat pemindahan

Banjir di daerah Kerian berterusan

Oleh ROSHANIZA ABDUL HALIM

BAGAN SERAI — Seramai 160 penduduk daripada lima buah kampung di daerah ini ditempatkan di dua buah pusat pemindahan selepas paras air di rumah masing-masing tidak menunjukkan sebarang perubahan sejak beberapa hari lalu.

Keadaan menjadi lebih teruk apabila jalan utama yang menghubungkan antara daerah Alor Pongsu dan Selama terpaksa ditutup kepada kenderaan ringan demi keselamatan penduduk.

Pegawai Daerah Kerian, Datuk Hamzah Hussin berkata, keadaan air yang menenggelamkan rumah penduduk dilihat tidak berubah,

malah semakin membimbangkan.

“Seramai 37 mangsa daripada tujuh keluarga di Kampung Matang Tengah terpaksa dipindahkan ke pusat pemindahan banjir di Sekolah Kebangsaan (SK) Changkat Lobak kelmarin menjadikan jumlah keseluruhan mangsa banjir di dua pusat pemindahan termasuk SK Bukit Merah meningkat kepada 160 orang.

“Pembukaan pusat pemindahan di SK Changkat Lobak sudah masuk hari ke-14 yang menempatkan seramai 100 mangsa daripada dua kampung iaitu Kampung Matang Tengah dan Kampung Parit Air Hitam manakala SK Bukit Merah pula seramai 60 mangsa daripada tiga buah kampung iaitu Kampung Batu 38, Kampung Batu

40 dan Kampung Parit Abu Hassan Ban,” katanya ketika ditemui semalam.

Katanya, melihatkan keadaan itu, pihak Jabatan Perairan dan Saliran (JPS) Kerian kini sedang berusaha menangani masalah yang dihadapi termasuk mempercepatkan pembinaan lima buah rumah pam kekal di empat lokasi yang sering dilanda banjir.

Sementara itu, Jurutera Daerah JPS Kerian, Ir. Hasmi Mat berkata, kelima-lima pam kekal terbabit yang bernilai RM4.5 juta itu bakal dibina dalam masa terdekat di Kampung Matang Tengah, Kampung Batu 40, Kampung Batu 38, Kampung Parit Simpang Empat dan Kampung Parit Simpang Lima.



KEADAAN sebuah rumah di Matang Tengah ditenggelami air berikutan banjir yang melanda daerah itu sejak dua minggu.